MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang berpengalaman, berkelayakan, berdaftar dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:-

NO. TENDER : MSNM(S)/T/BIL.1/2026

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA API DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA AYER KEROH, MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SUNGAI RAMBAI DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH MASJID TANAH BAGI TEMPOH 24 BULAN (TAHUN 2027 HINGGA TAHUN 2029)

SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	TARIKH/ MASA/ LOKASI	
	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	**EDARAN & JUALAN DOKUMEN**
Syarikat **WAJIB** berdaftar dan **masih sahlaku** tempohnya serta melampirkan salinan berikut: **1. Kementerian Kewangan Malaysian (MOF), Kod bidang/pengkhususan (220801)** Perkhidmatan Kawalan Keselamatan; **2. Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN);** **3. Sijil Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM); dan,** **4. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dengan status 'PATUH'.** **KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN**	Tarikh **10 NOVEMBER 2026 (SELASA)** Waktu **10.30 pagi** Lokasi **Dewan Banquet, Aras 4, Kompleks Mahkamah Syariah Ayer Keroh, MITC, 75450, Ayer Keroh, Melaka**	Harga **RM50.00** Tarikh **10 NOVEMBER 2026 (SELASA)** **hingga** **2 DISEMBER 2026 (RABU)**

TARIKH TUTUP TENDER
2 DISEMBER 2026 (RABU)
SEBELUM/ PADA JAM 12.00 TENGAHARI (sebarang kelewatan tidak akan dilayan)
Peti Tawaran Di Aras 1, Kaunter Pendaftaran, Kompleks Kompleks Mahkamah Syariah MITC, 75450, Ayer Keroh, Melaka

1. **Hanya penama** di dalam sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) boleh menghadiri lawatan tapak, sesi taklimat, pembelian dan menandatangani dokumen. Pihak syarikat **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI** lain bagi urusan tersebut.
2. Semasa lawatan tapak, pihak syarikat diminta untuk membawa cop syarikat, salinan sijil-sijil berkaitan sepertimana jadual di atas.
3. Dokumen Tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat https://stom.melaka.gov.my/. Syarikat perlu membuat dan melengkapkan **pendaftaran akaun serta langganan di STOM** dan membuat **pembelian dokumen secara dalam talian.** Keseluruhan dokumen tersebut hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi dengan lengkap. Salinan resit pembelian dokumen tender hendaklah disimpan dan dikemukakan bersama dokumen tender. Petender dianggap **BATAL** dan **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender asal.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan di dalam satu sampul surat berlakri dan ditulis disebelah atas sampul **Tajuk Kerja dan No. Tender.** Dokumen tersebut hendaklah diserahkan secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam peti tawaran sepertimana dinyatakan di dalam jadual di atas.
5. Sebarang pertanyaan mengenai tender, sila hubungi Unit Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia 06-3333333 samb 3524 / 3517.
6. Mahkamah Syariah Negeri Melaka tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

(AHMAD IRWAN BIN ISMAIL)
Ketua Pendaftar,
b.p Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Tarikh : 5/11/2026